

KEW.PA-27

No. Sebut harga : **JKM/PJ/(S)/SBH/M-78/2025****KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA****PELUPUSAN ASET ALIH**

Kementerian atau Jabatan:

Jabatan Kimia Malaysia  
 Jalan Sultan, 46661, Petaling Jaya,  
 Selangor

1. Tawaran adalah dipelawa dari syarikat atau orang perseorangan yang berminat untuk membeli aset seperti berikut:

Bil.	Keterangan aset	*Nombor Pendaftaran Kenderaan	Kuantiti	Harga Simpanan
1.	MPV TOYOTA ESTIMA 2.4	BKE2353	1	RM 5,000.00
2.	JIP NISSAN MURANO 2.5	BLL714	1	RM 2,500.00

\* Nota : Bagi yang berkaitan sahaja.

2. Aset boleh dilihat pada 18 Ogos 2025 hingga 25 Ogos 2025 di antara jam 10 pagi hingga 2:00 petang di Ruang Parkir Bangunan Forensik, Ibu Pejabat Jabatan Kimia Malaysia, Petaling Jaya, Selangor.
3. Tawaran sebut harga boleh dibuat dengan menggunakan Borang Sebut Harga Pelupusan Aset Alih Kerajaan (KEW.PA-28) yang boleh diperolehi di alamat seperti di para 4. Tawaran hendaklah sah bagi tempoh 90 hari.
4. Semua tawaran dengan maklumat yang lengkap hendaklah menggunakan sampul surat berlakri dan di tanda No. Sebut harga JKM/PJ/(S)/SBH/M-78/2025 dan dihantar melalui pos atau dimasukkan ke dalam Peti Sebut harga di alamat:-

**Seksyen Pembangunan dan Perolehan**  
**Jabatan Kimia Malaysia, Tingkat 2, Sayap B**  
**Bangunan Persekutuan, Petaling Jaya**  
**Jalan Sultan, 46200 Petaling Jaya, Selangor**

5. Tarikh tutup sebut harga pada 26 Ogos 2025 jam 12.00 tengah hari. Sebut harga yang diterima lewat tidak akan dipertimbangkan.

  
 (Tandatangan Ketua Jabatan)

**ChM MARHAYANI BINTI MD SAAD**  
 Ketua Pengarah  
 Jabatan Kimia Malaysia

JABATAN KIMIA MALAYSIA  
 Alamat: JALAN SULTAN, 46661  
 PETALING JAYA, SELANGOR

Tarikh: 30/7/2025  
 Cap:

## **SYARAT DAN PERATURAN SEBUT HARGA**

1. Aset akan dijual tertakluk kepada harga simpanan.
2. Penyebut harga adalah dikehendaki menyertakan deposit sebut harga sebanyak 5% daripada harga tawaran bagi setiap aset atau RM5,000 mengikut mana yang terendah. Deposit sebut harga hendaklah dalam bentuk Wang Pos atau Draf Bank sahaja atas nama KETUA PENGARAH JABATAN KIMIA MALAYSIA
3. Tawaran tanpa/ kurang deposit sebut harga tidak akan dipertimbangkan.
4. Semua aset adalah dijual sebagaimana keadaannya semasa dilihat (*as-is-where-is basis*).
5. Jabatan ini tidak bertanggungjawab ke atas aset yang telah dijual.
6. Semua perbelanjaan berkaitan pembelian aset seperti kos menanggal (*dismantle*), mengangkut dan sebagainya hendaklah ditanggung oleh pembeli sendiri.
7. Pembeli yang berjaya hendaklah membuat pembayaran penuh dalam tempoh satu (1) minggu dari tarikh pemberitahu keputusan. Jika bayaran tidak dijelaskan dalam tempoh tersebut, deposit sebut harga tidak akan dikembalikan.
8. Pembeli yang berjaya hendaklah mengambil aset dalam tempoh 7 hari selepas bayaran penuh dijelaskan. Jika gagal, bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan dan Jabatan berhak untuk melupuskan aset tersebut.

Nota : Syarat-syarat sebutharga boleh dipinda mengikut keperluan Kementerian/Jabatan.

1) MPV TOYOTA ESTIMA 2.4



2) JIP NISSAN MURANO 2.5

